



# MAKLUM BALAS MEDIA

Wartawan	<i>Setiusaha Akhbar YB Menteri MOT</i>
Media	<i>Pejabat YB Menteri</i>

## SPESIFIKASI PEMASANGAN REAR DRAWER

BIL	PERKARA BERBANGKIT	MAKLUM BALAS
1.0	<p>Ms. May Ling telah bertanyakan soalan berkaitan peraturan bagi pemasangan <i>Rear Drawer</i> kepada Pejabat Menteri Pengangkutan</p> <p>Perkara yang dibangkitkan adalah seperti berikut:</p>	
	<p>1.1 <i>The new guideline is lorry with BDM 5000kg and below are only allowed to extend 1 meter, which is implemented on 1<sup>st</sup> July this year.</i></p>	<p>Bahagian Kejuruteraan Automotif telah menyediakan Arahan Jabatan pada tahun 2015 berkenaan Garis Panduan Pembinaan &amp; Penggunaan Rear Drawer dan pelan lukisan bernombor rujukan seperti berikut:</p> <p>i. JPJ/RD/01/2015 ii. JPJ/RD/02/2015</p> <p>Garis Panduan ini telah menetapkan panjang maksimum yang dibenarkan dibahagikan kepada pilihan-pilihan berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>80% daripada panjang <i>wheelbase</i>; atau</li> <li>1000mm bagi kenderaan dengan BDM 2500-5000KG</li> <li>500mm bagi kenderaan dengan BDM 2499KG dan ke bawah.</li> </ol>

		<p>Peraturan bagi pemasangan <i>rear drawer</i> adalah terpakai untuk kenderaan baharu dan yang telah berdaftar. JPJ telah memberikan tempoh sehingga 1 Julai 2015 bagi kenderaan yang telah didaftarkan untuk memasang <i>rear drawer</i> mengikut spesifikasi. Tempoh itu kemudian dilanjutkan sehingga 30 September 2015.</p>
	<p>1.2 <i>There is also some business association appeal to JPJ to reconsider making the rules applicable for new lorries and make an exemption for a period of time (5 years) for old lorries as its length is between 14 feet to 16 feet, which after adding the drawer, will not be able to carry certain lengthy products for building materials to deliver to rural areas which heavier lorry cannot access</i></p>	<p>JPJ telah mempertimbangkan rayuan pihak persatuan bagi membenarkan lori-lori kecil memasang <i>rear drawer</i> untuk memuatkan panjang muatan sehingga 20 kaki. Walaubagaimanapun, atas faktor keselamatan dan kestabilan kenderaan, panjang <i>rear drawer</i> perlu dihadkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>Sebagai alternatif, Jabatan ini menggalakkan supaya pemilik kenderaan membuat permohonan pemanjangan bes roda (<i>wheelbase</i>) mengikut kesesuaian model kenderaan bagi membawa muatan 20 kaki tersebut.</p>
	<p>1.3 <i>According to one of our source, the new guideline was approved in the cabinet was 2 meter, but when JPJ announcement, it is 1 meter. Could you make any clarification or explain with regards to this?</i></p>	<p>Berdasarkan Kaedah 92(2), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor Pembinaan &amp; Penggunaan 1959 – tiada kenderaan motor boleh membawa apa-apa muatan yang mengunjur keluar melebihi belakang, hadapan atau tepi badan kenderaan.</p> <p>Oleh itu, pengecualian terhadap pemakaian kaedah tersebut pernah diberikan melalui Arahan Jabatan yang telah dikeluarkan pada tahun 1998, Berdasarkan arahan tersebut, kenderaan rigid yang mempunyai panjang badan melebihi 4300mm (14 kaki), dibenarkan membuat pemasangan <i>rear drawer</i> yang boleh ditarik sehingga 1830mm (6 kaki), manakala bagi kenderaan rigid yang mempunyai panjang badan tidak kurang daripada 3000mm (10</p>

		<p>kaki), panjang <i>rear drawer</i> boleh ditarik sehingga 1000mm. Selain itu, semi-treler juga dibenarkan untuk memasang <i>rear drawer</i>.</p> <p>Lantaran itu, Jabatan ini telah menerima maklumbalas dan aduan daripada pengguna jalan raya berkenaan pemasangan <i>rear drawer</i> yang berbahaya dan boleh menyebabkan risiko kemalangan. Oleh itu, Jabatan ini diminta untuk mengkaji semula spesifikasi pemasangan <i>rear drawer</i> tersebut.</p> <p>Atas faktor keselamatan pengguna jalan raya lain dan kestabilan pemasangan <i>rear drawer</i>, Arahan Jabatan baharu telah dikeluarkan pada Februari 2015 bagi menggantikan Arahan Jabatan terdahulu. Arahan Jabatan ini telah menambahbaik spesifikasi pemasangan <i>rear drawer</i> yang terdahulu.</p>
	<p>1.4 <i>Does ministry of transport and JPJ received any feedbacks or complaints from lorry drivers/association or related business regarding this issue?</i></p>	<p>Jabatan ini ada menerima maklumbalas dan aduan daripada persatuan berkenaan. Oleh itu, beberapa sesi perbincangan dan taklimat telah diadakan bersama persatuan tersebut sebelum garis panduan dikeluarkan oleh JPJ. Selain tu, surat makluman berkenaan Garis Panduan Pembinaan dan Penggunaan <i>Rear Drawer</i> juga telah dihantar kepada persatuan atau memuat turun melalui laman web JPJ.</p>

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Kejuruteraan Automitif  
JPJ Malaysia**